



KAJIAN LITERATUR TAHAP KESEDIAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH (PdPR) DI KALANGAN PELAJAR, TENAGA PENGAJAR DAN IBU BAPA

Fadilah Ahmad¹ dan Nor Aqilah Abdul Hamid²

¹Politeknik Ungku Omar,
Ipoh, Perak, Malaysia
dilahmad@puo.edu.my
²aqilah9780@gmail.com

Abstrak: Sejak penularan wabak Covid-19, pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bukanlah perkara yang asing lagi. Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara norma baharu telah diadaptasikan dalam dunia pendidikan bagi memastikan pelajar tidak ketinggalan menguasai ilmu pengetahuan. PdPR atau dikenali dengan istilah pembelajaran secara dalam talian adalah satu bentuk pendidikan di mana elemen utamanya merangkumi pengasingan secara fizikal guru dan pelajar semasa sesi pengajaran serta penggunaan pelbagai teknologi untuk memudahkan komunikasi antara pelajar-guru dan pelajar-pelajar. Kajian ini dibuat bagi merungkai tahap kesediaan pelajar, tenaga pengajar dan ibu bapa terhadap PdPR berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dibuat. Ini bagi membolehkan pihak berkepentingan dapat mengkaji dan menambahbaik PdPR supaya ia menjadi efektif dan dapat mengurangkan isu keciciran murid dalam pelajaran terutamanya di kawasan luar bandar. Sebanyak 31 artikel telah dianalisis bagi mencapai objektif kajian. Hasil daripada kajian mendapati pelajar mempunyai kesediaan terhadap PdPR di tahap yang sederhana manakala tenaga pengajar dan ibu bapa mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Di harapkan penemuan ini akan membantu pihak sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia untuk meningkatkan kualiti pendidikan secara norma baharu dan melaksanakan garis panduan yang jelas khususnya kepada tenaga pengajar.

Kata kunci: Pembelajaran dalam talian, Kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), Tahap kesediaan pelajar dan guru, Penerimaan pelajar

1. Pengenalan

Semua lapisan masyarakat sering memperkatakan Malaysia menuju wawasan 2020. Tidak kira dikalangan pemimpin mahupun dikalangan yang dipimpin, sejak zaman persekolahan lagi anak-anak akan sentiasa dihujani dengan matlamat serta visi ini. Malaysia pada tahun 2020 memberi gambaran sebagai sebuah negara yang membangun, maju serta boleh berdiri setaraf dengan negara maju lain seperti Sepanyol, Singapura dan Jepun. Pelbagai teknologi yang mampu memacu negara



ke arah yang lebih maju telah digambarkan oleh pihak-pihak tertentu. Namun, ‘geruh tidak berbunyi, malang tidak berbau’, tahun 2020 yang sepatutnya menjadi mimpi indah kepada rakyat Malaysia telah menjadi mimpi ngeri bagi seluruh penduduk di dunia dengan kemunculan wabak pandemik Covid-19 pada Disember tahun 2019 yang mula dikesan di bandar Wuhan. Wabak Covid-19 yang merebak dengan pantas ini mampu meragut jutaan nyawa manusia. Sehingga ke hari ini, Malaysia mencatatkan 4.56 juta kes positif covid-19 dan 35,758 kematian (Covid-19 Malaysia, 2019).

Bagi mengekang penularan wabak covid-19 ini. Pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia ketika itu (Junhairi Alyasa, 2020). Berikutan dengan itu, banyak sektor yang tidak terlibat dengan perkhidmatan penting negara seperti sektor pelancongan, sukan, industri kreatif dan sebarang aktiviti yang menyebabkan pengumpulan orang ramai di suatu tempat perlu dihentikan beroperasi. Impak dari insiden ini telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi, sosial dan politik (Leong, 2020). Malahan bidang pendidikan juga turut menerima tempias akibat penularan wabak covid-19 ini. Penutupan institusi pendidikan turut diumumkan yang melibatkan Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sekolah menengah dan sekolah rendah serta prasekolah (Syahirah Hani Roslan, 2020).

Susulan penutupan institusi pendidikan, pelajar dan tenaga pengajar perlu mengadptasi norma baharu kaedah pembelajaran iaitu kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Beberapa istilah lain juga digunakan bagi menerangkan istilah ini termasuklah pengajaran dan pembelajaran dalam talian, pembelajaran maya dan e-pembelajaran yang lazimnya dirujuk kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi rangkaian yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Norma baharu ini membolehkan pelajar untuk belajar dalam persekitaran berbeza mengikut kepada keselesaan mereka sendiri, di samping itu tenaga pengajar juga bebas untuk menyampaikan sesi pengajaran dan pembelajaran di mana-mana sahaja.

Aspek pendidikan menjadi faktor utama yang harus dititikberatkan agar negara dapat melahirkan modal insan yang cemerlang meskipun Malaysia dilanda penyakit wabak. Dalam konteks ini, kajian literatur ini bertujuan mengkaji tahap kesediaan pelajar, tenaga pengajar dan para ibu bapa berkaitan proses PdPR. Ini penting bagi memastikan tiada generasi yang tercicir ekoran penyampaian pendidikan yang dilakukan secara alaf baharu. Bagi menjawab persoalan ini, satu soalan kajian telah dibentuk iaitu Apakah tahap kesediaan pelajar, tenaga pengajar dan ibu bapa terhadap pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Bagi menjawab persoalan kajian, pencarian literatur telah dijalankan menggunakan pangkalan data jurnal antarabangsa yang dapat diakses secara dalam talian untuk memperoleh data dari pelbagai sumber yang berlainan. pelbagai menangkap potensi terbesar. Antara pangkalan data yang digunakan ialah Google Scholar (www.google scholar.com), scopus (www.scopus.com) dan, ScienceDirect (www.scienceDirect.com). Kata kunci yang digunakan bagi kajian literatur ini ialah pembelajaran dalam talian, kaedah pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), tahap kesediaan pelajar dan guru, penerimaan pelajar, dan lain-lain yang berkaitan.

2. Tahap kesediaan Pdpr di kalangan pelajar

Hasil dari carian yang telah dibuat, untuk mengkaji tahap kesediaan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dari rumah terdapat 18 artikel telah berjaya diperolehi. Daripada artikel yang terpilih, 12 kajian telah dijalankan di Malaysia, dan kajian selebihnya dibuat di Indonesia, Qatar, India dan Slovia. Semua artikel yang dipilih diterbitkan dari tahun 2020-2022. Perincian dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Dapatan kajian kesediaan pelajar terhadap PdPR

Nama pengkaji	Sampel kajian	Lokasi kajian	Dapatan kajian
Mohalik & Sahoo, 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	India	Tahap kesediaan - tinggi
Poláková & Klímová, 2021	Pelajar sekolah Menengah	Slovakia	Tahap kesediaan - tinggi
Siti Baizura & Nurfaradila, 2020	Pelajar sekolah Menengah	Dungun, Terengganu	Kesediaan pelajar berada pada tahap tinggi
Du et al., 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Qatar	Tahap kesediaan - tinggi
Mohd Zulhasnan et al., 2019	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Sabah, Malaysia	Tahap kesediaan (Pengetahuan, kesesuaian dan penerimaan) - Tinggi
Rafique et al., 2021	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Pakistan	Tahap kesediaan – sederhana Terhadap kemudahan – tinggi
Abdul Aziz Ishak et. al.,2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Pulau pinang, Malaysia	Kesediaan pelajar berada pada tahap sederhana
Nor Aidawati & Mazidah, 2021	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Terengganu, Malaysia	Tahap kemudahan – tinggi Tahap kesediaan - sederhana
Norasyikin & Mohd Isa, 2016	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Terengganu, Malaysia	Tahap kesediaan - sederhana
Chung et al., 2019	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Malaysia	Tahap kesediaan - sederhana
Ranganathan et al., 2021	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Malaysia	Tahap kesediaan - sederhana
Siti Balqis & Muniroh, 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Malaysia	Tahap kesediaan - sederhana
Losius, 2020	Pelajar sekolah rendah	Ranau, Sabah	Tahap kesediaan – kurang memuaskan
Magesvaran, 2021	Pelajar sekolah Menengah	Kulim, Kedah	Kesediaan pelajar berada pada tahap rendah
Ahmad Al-Munzir Ridzuan & Nassir, 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Lahad Datu, Malaysia	Terhadap pengetahuan – rendah Terhadap kemudahan - rendah
Arif Widodo et. al. , 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Indonesia	Tahap kesediaan - rendah

Widodo et al., 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Indonesia	Tahap kesediaan - rendah
Agormedah et al., 2020	Pelajar Institusi Pengajian Tinggi	Ghana	Tahap kesediaan - rendah

Setelah meneliti kajian terdahulu yang telah dibuat, hasil kajian mendapati tahap kesediaan pelajar majoritinya di tahap sederhana. Buktinya diperolehi dari hasil kajian dijalankan oleh Siti Balqis & Muniroh, 2020 dimana dapatan kajian menunjukkan ketidaksediaan pelajar dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara norma baharu disebabkan masalah capaian internet yang kurang memuaskan terutamanya dikawasan luar bandar. Manakala, dapatan kajian yang dibuat oleh Losius, 2020 menunjukkan beberapa isu yang menyebabkan pelajar menghadapi kekangan untuk mengikuti PdPR antaranya, tidak mempunyai sebarang rujukan di rumah, berkongsi telefon pintar (peranti) dengan ibu bapa, tiada kemudahan komputer di rumah, tidak mahir menggunakan peranti, dan masalah capaian internet. Nor Aidawati & Mazidah, 2021 yang menjalankan kajian terhadap tahap kesediaan PdPR dikalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi turut mendapat hasil dapatan yang sama iaitu rata-rata pelajar tidak bersedia disebabkan tidak mempunyai akses data yang mencukupi dan masalah peranti untuk digunakan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah. Chung et al., 2019 juga memperoleh hasil dapatan yang sama iaitu rata-rata pelajar menyatakan cabaran yang paling besar dihadapi oleh mereka ketika PdPR ialah masalah jaringan internet, masalah peranti, persekitaran di rumah yang tidak kondusif, dan kurang bermotivasi.

Setelah dianalisa semua kajian yang telah dibuat berkenaan PdPR, masalah capaian internet terutamanya di kawasan luar bandar merupakan faktor yang menyumbang kepada tahap kesediaan pelajar terhadap PdPR. Luqman Arif Abdul Karim (2020) seperti yang dipetik dalam kajian Losius, 2020 menyatakan nisbah jurang internet antara bandar dan luar bandar adalah sebanyak 70:30, menurut Laporan dari Jabatan Statistik Negara pada tahun 2019, tiada penambahbaikan yang dilakukan sepanjang tahun 2014-2016 terhadap jaringan internet dikawasan luar bandar.

3. Tahap kesediaan PdPR di kalangan tenaga pengajar

Hasil dari carian yang telah dibuat, untuk mengkaji tahap kesediaan tenaga pengajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dari rumah terdapat 8 artikel telah berjaya diperolehi. Daripada artikel yang terpilih, 4 kajian telah dijalankan di Malaysia, dan tiga (3) kajian selebihnya dibuat di Indonesia, dan satu (1) kajian dibuat di Filipina. Semua artikel yang dipilih diterbitkan dari tahun 2020-2022. Dapatan kajian secara perincian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 .

Jadual 2: Dapatan kajian tahap kesediaan tenaga pengajar terhadap PdPR

Nama pengkaji	Sampel kajian	Lokasi kajian	Dapatan kajian
Che Azizan, S.N., & Mohamad Nasri, N. ,2020.	Guru sekolah	Kuala Lumpur, Malaysia	Tahap kesediaan - tinggi
Lapada et al., 2020	Guru sekolah dan IPT	Filipina	Tahap kesediaan - tinggi
Subuh Anggoro, 2021	Guru sekolah	Indonesia	Tahap kesediaan - tinggi
Nornadiba Huda Maat & Shahlan Surat. (2022).	Guru sekolah	Johor, Malaysia	Tahap kesediaan - tinggi
Ling & Suziyani, 2022	Guru sekolah	Seluruh Malaysia	Tahap kesediaan - sederhana
Quah et al., 2021	Pensyarah IPT	Kedah, Malaysia	Tahap kesediaan - sederhana
Irfan & Sastra Khusuma, 2020	Guru sekolah	Indonesia	Tahap kesediaan - rendah
Andarwulan et al., 2021	Guru sekolah	Indonesia	Tahap kesediaan - rendah

Setelah dianalisa semua kajian yang telah dibuat berkenaan PdPR, kebanyakan faktor yang diperolehi menunjukkan tahap kesediaan tenaga pengajar terhadap PdPR ialah tinggi. Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020) yang menjalankan kajian di Banten dan Jawa Barat, Indonesia mendapati bahawa bahan pengajaran mudah diberikan kepada pelajar serta proses pengemaskinian bahan tersebut dilakukan dalam talian dengan lebih sistematik. Dalam kajian Noorhadi dan Zurinah (2017) menyatakan bahawa guru-guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif untuk meningkatkan minat belajar kanak-kanak. Ini merangkumi penggunaan peranti digital oleh guru-guru yang membolehkan mereka menarik minat para pelajar. Yasmin Saw (2020) menyatakan bahawa pembelajaran yang menggunakan komputer riba, telefon bimbit, rangkaian internet setara dengan agenda pembelajaran generasi kanak –kanak sekarang.

Kajian yang dijalankan oleh Irfan Fauzi dan Iman Hermawan Sastra Khusuma (2020), Deepika Nambiar (2020) dan Rasmitadila et al. (2020) pula mendapati bahawa pendekatan pembelajaran dalam talian ini menjadi lebih bermakna apabila dilaksanakan semasa tempoh pandemik Covid-19. Menurut mereka, pendekatan pembelajaran dalam talian yang digunakan sebagai medium penyampaian bahan pembelajaran dalam tempoh pandemik ini mudah dan cepat untuk dilaksanakan, tambahan pula Home Based Learning (HBL).

Dalam kajian Noorhadi dan Zurinah (2017) menyatakan bahawa guru-guru perlu menggunakan kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif untuk meningkatkan minat belajar kanak-kanak. Ini merangkumi penggunaan peranti digital oleh guru yang membolehkan mereka menarik minat para pelajar. Yasmin Saw (2020) menyatakan bahawa pembelajaran yang menggunakan komputer riba, telefon bimbit, rangkaian Internet setara dengan agenda pembelajaran generasi kanak –kanak sekarang.

Hasil kajian daripada Junus, Santoso, Putra, Gandhi, dan Siswantining (2021) telah menunjukkan bahawa pensyarah memerlukan kemahiran teknikal asas untuk menggunakan platform e-pembelajaran supaya dapat melaksanakan e-pembelajaran dengan lebih berkesan. Di samping berkemahiran tinggi dalam memahami kehendak pembelajaran teradun dalam e-pembelajaran.

4. Tahap kesediaan PdPR di kalangan ibu bapa

Hasil dari carian yang telah dibuat, untuk mengkaji tahap kesediaan dari aspek ibu bapa dalam pelaksanaan pengajaran di rumah terdapat 5 artikel telah berjaya diperolehi. Daripada artikel yang terpilih, satu (1) kajian telah dijalankan di Malaysia, dan dua (2) kajian selebihnya dibuat di Indonesia, dan satu (1) kajian dibuat di Afrika serta satu (1) kajian telah dibuat di Rusia. Semua artikel yang dipilih diterbitkan dari tahun 2020-2021. Perincian dapatan kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Dapatan kajian tahap kesediaan ibu bapa terhadap PdPR

Nama pengkaji	Lokasi kajian	Dapatan kajian
Hanim et al., 2021	Malaysia	Tahap kesediaan - tinggi
Siahaan et al., 2021	Indonesia	Tahap kesediaan - tinggi
Amanor-Mfoafo et al., 2020	Afrika	Status sosio-ekonomi ibu bapa yang tinggi, mempunyai tahap kesediaan yang tinggi
Hafidz et al., 2020	Indonesia	Tahap kesediaan - tinggi
Burmykina et al., 2017	Rusia	Tahap kesediaan - tinggi

Setelah dianalisa semua kajian yang telah dibuat berkenaan PdPR, kebanyakan faktor yang diperolehi menunjukkan tahap kesediaan ibu bapa terhadap PdPR ialah tinggi. Menurut Hira dan Anderson (2021), pengalaman dan motivasi yang tinggi diperlukan oleh para ibu bapa dalam menguruskan PdPR anak-anak mereka di rumah. Sokongan guru diperlukan kerana semasa proses pengajaran dan pembelajaran sebegini memerlukan tumpuan dari aspek masa dan perhatian sepenuhnya. Manakala menurut Ahsani (2020), kesediaan ibu bapa meliputi strategi mengajar dan mendidik anak-anak belajar semasa pandemik Covid-19 diperlukan dengan gaya pembelajaran yang sesuai, sentiasa memahami dan menemani mereka di rumah. Ini memberi peranan penting dalam membantu proses pengajaran di rumah. Ibu bapa menjadi rujukan anak-anak dalam memahami apa yang dipelajari dalam talian.

Mengenai kesediaan ibu bapa Akrofi (2020) berpendapat bahawa kekurangan sokongan ibu bapa mempunyai pengaruh negatif terhadap prestasi akademik pelajar. Kemahiran keibubapaan yang baik sangat penting apabila kanak-kanak berada di persekitaran rumah yang terkurung. Ibu bapa boleh mengkaji tingkah laku anak-anak untuk mengesan atau mengenal pasti pertumbuhan psikologi dan fizikal mereka serta pencapaian akademik mereka.

Bradley & Corwyn (2002) menyatakan bahawa penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti akademik, kualiti hubungan ibu bapa dengan anak dan kebolehcapaian pembelajaran adalah tiga elemen utama suasana pembelajaran di rumah yang membantu meningkatkan pembangunan pendidikan kanak-kanak. Peranan ibu bapa untuk menyokong pembelajaran kanak-kanak adalah penting terutamanya pada usia muda mereka.

5. Kesimpulan

Kesediaan dalam menghadapi norma baharu pembelajaran atas talian adalah penting. Justeru, kajian ini bertujuan meneroka tahap kesediaan pelajar, tenaga pengajar dan ibu bapa menghadapi PdPR. Berdasarkan kepada analisis yang telah dibuat, dapat disimpulkan pelajar mempunyai kesediaan terhadap PdPR di tahap yang sederhana manakala tenaga pengajar dan ibu bapa mempunyai tahap kesediaan yang tinggi. Untuk itu, pihak yang berkepentingan haruslah mencari jalan penyelesaian bagi memastikan tahap kesediaan pelajar dalam menghadapi PdPR berada pada tahap yang tinggi supaya PdPR dapat diaplikasikan tatkala negara berada dalam situasi kecemasan. Tidak dilupakan kesediaan tenaga pengajar dan ibu bapa adalah kunci kejayaan PdPR, tenaga pengajar dan ibu bapa haruslah bekerjasama dengan baik bagi memastikan pelajar khususnya di sekolah rendah dapat menggunakan dan mengakses peranti untuk digunakan sebagai alat perhubungan dengan tenaga pengajar dan rakan-rakan. Oleh itu, peranan ibu bapa diperlukan untuk membimbing anak-anak mereka menggunakan teknologi semasa pembelajaran dalam talian. Selain itu, penggunaan bahan pengajaran dan aplikasi pembelajaran yang interaktif amat penting dalam proses pembelajaran agar ia dapat menarik minat pelajar untuk kekal bersemangat dalam menghadapi pembelajaran di atas talian. Di samping itu, tenaga pengajaran juga harus menitikberatkan beberapa hal dalam menghadapi pembelajaran secara norma baharu iaitu kesiapsiagaan, prestasi dan motivasi pelajar. Oleh yang demikian, penyelidikan ini boleh menyumbang kepada pihak kementerian khususnya dalam menilai tahap kesediaan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Selain itu, penyelidikan ini diharap dapat memudahkan pelbagai pihak mengkaji dan menambahbaik pembelajaran dalam talian agar dapat diaplikasikan dalam keadaan kecemasan seperti sekarang.

Rujukan

- Ahmad Al-Munzir Ridzuan, & Nassir, M. (2020, October 6). Kajian Tinjauan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Tahap Kesediaan Pelajar Kolej Komuniti Lahad Datu Bagi... ResearchGate; unknown.
https://www.researchgate.net/publication/348317544_Kajian_Tinjauan_Impak_Pandemik_Covid-19_Terhadap_Tahap_Kesediaan_Pelajar_Kolej_Komuniti_Lahad_Datu_Bagi_Pembelajaran_Secara_Atas_Talian
- Agormedah, E. K., Adu Henaku, E., Ayite, D. M., & APORİ ANSAH, E. (2020). Online learning in higher education during COVID-19 pandemic: A case of Ghana. *Journal of Educational Technology and Online Learning*. <https://doi.org/10.31681/jetol.726441>
- Amanor-Mfoafo, N. K., Akrofi, O., Edonu, K. K., & Dowuona, E. N. (2020). Investigating The E-Learning Readiness Of Ghanaian Parents During Covid-19. *European Journal of Education Studies*, 7(10). <https://doi.org/10.46827/ejes.v7i10.3275>
- Andarwulan, T., Al Fajri, T. A., & Damayanti, G. (2021). Elementary Teachers' Readiness toward the Online Learning Policy in the New Normal Era during Covid-19. *International Journal of Instruction*, 14(3), 771–786. <https://doi.org/10.29333/iji.2021.14345a>

- Burmykina, I. V., Fedina, N. V., Zvezda, L. M., Pikalova, O. S., Skudnev, D. M., & Voronin, I. V. (2017). Study of Educators' and Parents' Readiness to Implement Distance Learning Technologies in Preschool Education in Russia. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(12). <https://doi.org/10.12973/ejmste/80802>
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Covid-19 Malaysia. (2019, December 31). COVID-19 Malaysia Updates. COVID-19 MALAYSIA. <https://covid-19.moh.gov.my/terkini>
- Chung, E., Subramaniam, G., & Christ Dass, L. (2019). Online Learning Readiness Among University Students in Malaysia Amidst Covid-19. *Mohe.gov.my*. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/AJUE/article/view/10294/4872>
- Hafidz, A., Nurhasan, Akh. Muzakki, & M. Sholeh. (2020). Parental Engagement in Children's Online Learning During the Covid-19 Pandemic. *ResearchGate*; unknown. https://www.researchgate.net/publication/347589954_Parental_Engagement_in_Children's_Online_Learning_During_the_Covid-19_Pandemic
- Hanim, Z., Zaleha, Z., Mohamad, D., Zaki, A., Ahmad, A., & Ibrahim, Z. (2021). *Jurnal Kesidang Kesidang Journal*, 6(2021), 80–95. <http://kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/viewFile/972/783>
- Irfan, F., & Sastra Khusuma, I. H. (2020). Teachers' Elementary School in Online Learning of COVID-19 Pandemic Conditions. *Iaimnumetrolampung.ac.id*. <https://journal.iainnumetrolampung.ac.id/index.php/ji/article/view/914/512>
- Junhairi Alyasa. (2020, March 16). *Covid-19: Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara bermula 18 Mac*. *Sinarharian*; *sinarharian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/74100/KHAS/Covid-19/Covid-19-Perintah-Kawalan-Pergerakan-di-seluruh-negara-bermula-18-Mac>
- Lapada, A. A., Arthur, D., Frosyl Fabrea Miguel, & Alam, Z. F. (2020, July 16). Teachers' Covid-19 Awareness, Distance Learning Education Experiences and Perceptions towards... *ResearchGate*; unknown. https://www.researchgate.net/publication/342992348_Teachers'_Covid-19_Awareness_Distance_Learning_Education_Experiences_and_Perceptions_towards_Institutional_Readiness_and_Challenges
- Leong, I. (2020). Covid-19: Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 hingga 31 Mac - PM. *Astroawani.com*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-perintah-kawalan-pergerakan-mulai-18-hingga-31-mac-pm-233914>
- Ling, T. H., & Suzyani, M. (2022). Kesediaan Guru Bagi Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik Covid 19. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*. Retrieved July 5, 2022, from <file:///C:/Users/OPTIPLEX%205250%20AIO/Downloads/arise-2021-2207-hui.pdf>.



- Losius, G. (2020). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Academia.edu. https://www.academia.edu/43147586/Cabaran_Pelaksanaan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Jarak_Jauh_PDPCJJ_Semasa_Perintah_Kawalan_Pergerakan_PKP
- Magesvaran, U. (2021). Tahap Pengetahuan Dan Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru Bahasa Melayu Ketika Menggunakan Aplikasi Google Meet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu -JPBM (Malay Language Education Journal -MyLEJ), 11(2), 39–53. <http://journalarticle.ukm.my/17915/1/265-510-1-SM.pdf>
- Mohd Zulhasnan, M., Fadli, B., & Sharifuddin, R. (2019). Kesiediaan Pelajar dalam M-Pembelajaran bagi Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti Tawau, Sabah. Mohe.gov.my. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/PKKJLLL/article/view/7395/3012>
- Nornadiba Huda Maat & Shahlan Surat. (2022). Kesiediaan PdPR dan Kemahiran Mengawal Tekanan Psikologikal Semasa Pandemik Covid-19 dalam Kalangan Guru Kafa. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7(3), e001377. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1377>
- Nor Aidawati, A., & Mazidah, M. (2021). Kesiediaan Pelajar terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Norma Baru Di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (Jtmk), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). International Journal of Modern Education, 3(8), 114–124. <https://doi.org/10.35631/ijmoe.380010>
- Norasyikin, O., & Mohd Isa, H. (2016). Hubungan Kesiediaan Pelajar Mengikuti Pembelajaran Berasaskan Blended Learning Berdasarkan Jantina Dan Program. Um.edu.my. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8194/5667>
- Poláková, P., & Klímová, B. (2021). The Perception of Slovak Students on Distance Online Learning in the Time of Coronavirus—A Preliminary Study. Education Sciences, 11(2), 81. <https://doi.org/10.3390/educsci11020081>
- Quah, W., Ahmad, R., & Desa, N. (2021). Malaysian Online Journal of Education, 5(1), 46–53. http://journal.kuis.edu.my/attarbawiy/wp-content/uploads/2021/06/46_53.pdf
- Rafique, G. M., Mahmood, K., Warraich, N. F., & Rehman, S. U. (2021). Readiness for Online Learning during COVID-19 pandemic: A survey of Pakistani LIS students. The Journal of Academic Librarianship, 47(3), 102346. <https://doi.org/10.1016/j.acalib.2021.102346>
- Ranganathan, H., Singh, D. K. A., Kumar, S., Sharma, S., Chua, S. K., Ahmad, N. B., & Harikrishnan, K. (2021). Readiness towards online learning among physiotherapy undergraduates. BMC Medical Education, 21(1). <https://doi.org/10.1186/s12909-021-02803-8>
- Siahaan, C., Murniarti, E., & Simbolon, K. (2021). Readiness Level of Parents as Student Guide in Online Learning. psychology and education, 58(2), 5995–6007. <http://repository.uki.ac.id/3656/1/ReadinessLevelofParentsasStudentGuideinOnlineLearning.pdf>



- Siti Baizura, C. A., & Nurfaradila, M. N. (2020). *Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik COVID-19*. Upsi.edu.my. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/>
- Siti Balqis, M., & Muniroh, H. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan. <https://appspenang.uitm.edu.my/sigcs/2020-2/Articles/PENGAJARAN%20DAN%20PEMBELAJARAN%20DALAM%20TALIAN%20SEMASA%20PERINTAH%20KAWALAN%20PERGERAKAN.Pdf>
- Subuh Anggoro. (2021, August 2). Identification Of Readiness For Implementation Of E-Learning On Teachers And Elementary School Students. ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/353634601_identification_of_readiness_for_implementation_of_e-learning_on_teachers_and_elementary_school_students
- Syahirah Hani Roslan. (2020). Covid-19: semua sekolah diarahkan tutup, kebajikan pelajar mesti diambil kira. Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-semua-sekolah-diarahkan-tutup-kebajikan-pelajar-mesti-diambil-kira-234342>
- Widodo, A., Nursaptini, N., Novitasari, S., Sutisna, D., & Umar. (2020). From Face-to-Face Learning to Web Base Learning: How Are Student Readiness?, 10(2), 149. <https://doi.org/10.25273/pe.v10i2.6801>
- Widodo, A., Ermiana, I., & Erfan, M. (2020). Emergency online learning: How are students' perceptions? Proceedings of the 4th Sriwijaya University Learning and Education International Conference (SULE-IC 2020). <https://doi.org/10.2991/assehr.k.201230.116>